

KAJIAN KES:

**MENINGKATKAN KADAR PENERIMAAN PENGGUNA
PLATFORM E-PEMBAYARAN DALAM
PERKHIDMATAN KERAJAAN**

No. Siri Dokumen Pelawaan : PCT 7/2021

Disediakan:

Professor Madya Dr. Rohaiza Rokis

15 Mac 2021

A) PENGENALAN

Melalui kolaborasi antara bank dan industri pembayaran, usaha telah dilakukan untuk memperbaiki dan memperluas akses infrastruktur e-pembayaran. Ini dilakukan dengan mengenali dan menghapus halangan bagi e-pembayaran dalam skala yang menyeluruh, di samping memberikan sokongan yang diperlukan untuk memastikan kelancaran peralihan kepada pembayaran elektronik. Seiring peralihan negara ke arah ekonomi bernilai tambah dan berpendapatan tinggi, peranan sektor kewangan dibayangkan tumbuh di luar peranannya sebagai pemboleh pertumbuhan untuk menjadi pemacu utama dan pemangkin pertumbuhan ekonomi. Untuk mencapai tujuan ini, sektor kewangan perlu lebih kompetitif, dinamis, inklusif, pelbagai dan bersepadu, dengan kemampuan untuk menawarkan perkhidmatan kewangan bertaraf dunia, dari segi luas, mendalam dan berkualiti untuk memenuhi keperluan Malaysia.

Kerajaan telah membangunkan Pelan Strategik e-Pembayaran Sektor Awam 2016-2020 (PPSPA) bertujuan untuk menambah baik persekitaran e-Pembayaran yang mesra pengguna, membudayakan e-Pembayaran untuk meningkatkan tahap penggunaan dan

kepuasan pengguna serta meningkatkan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan e-Pembayaran.

Kajian garis dasar (*baseline study*) ini dalam usaha menghasilkan lebih banyak tindakan diambil oleh para pengguna, terutama yang melibatkan pembayaran dalam perkhidmatan kerajaan. Ini kerana pembayaran yang dilakukan secara tradisional dengan cara tunai dan cek bukan hanya melambatkan, malahan menyusahkan. Kajian mendapati bahawa pembayaran yang dilakukan secara elektronik menggunakan kad plastik atau melalui saluran elektronik amat memudahkan. Ini ditunjukkan oleh peningkatan jumlah transaksi pembayaran elektronik yang dibuat per kapita kepada 56% transaksi pada tahun 2012 berbanding hanya 14.3% pada tahun 2003, dan lebih daripada 80% transaksi pembayaran runcit dilakukan secara elektronik.

Sementara peralihan ke pembayaran elektronik akan dilakukan secara bertahap dan mungkin berlangsung selama beberapa tahun, usaha telah ditingkatkan untuk mendorong masyarakat supaya lebih cenderung menggunakan e-pembayaran, seiring dengan kemajuan teknologi dan kehendak ekonomi. Semua lapisan masyarakat perlu diberi pendedahan dan kesedaran tentang kepentingan pembayaran yang melibatkan perkhidmatan kerajaan.

- ***Jenis E-Pembayaran Berkaitan Perkhidmatan Kerajaan***

Pembayaran elektronik atau dengan ringkas lebih dikenali sebagai e-pembayaran telah berkembang di Malaysia. Ini didorong oleh peningkatan penggunaan komputer dan telefon pintar atas talian. Penduduk Malaysia dapat memanfaatkan pertumbuhan infrastruktur berteknologi. Platform seperti jomPAY, myBayar (myGovXchange) dan myPAY telah digunapakai semenjak ia dilancarkan. Antara ringkasan platform yang tersebut:

1. myGovXchange (myBayar)

Ia ditubuhkan untuk menyediakan pintu masuk bagi individu dan organisasi untuk melakukan ePayment dan eSubmission dengan agensi Kerajaan. myGovXchange memainkan peranan utama dalam pembangunan inisiatif e-Kerajaan.

Keperluan kepada myGovXchange (myBayar) adalah jelas. Tanpa pemusatan, pengguna tidak dapat mengakses perkhidmatan e-Government secara konsisten dan dari platform yang boleh dipercayai. Terdapat banyak agensi Kerajaan yang memerlukan laman web, ID pengguna, dan kata laluan yang berbeza. Selanjutnya, kaedah komunikasi boleh berbeza dan unik di antara agensi.

Untuk mengatasi masalah ini, myGovXchange telah dijadikan asas untuk infrastruktur Internet Kerajaan. Aspek yang paling penting adalah membuat titik masuk tunggal, dan seterusnya membantu pengguna untuk berurusan dengan Kerajaan melalui titik akses tunggal ini. myGovXchange terus berkembang. Jumlah agensi yang mengambil bahagian dan keperluan pengguna dipertimbangkan dalam memperluas perkhidmatan myGovXchange.

Entiti myGovXchange menyediakan hab pintu masuk pembayaran, gerbang pembayaran dalam talian (myBayar) dan gerbang borang dalam talian (myForms) untuk Kerajaan. Hab pembayaran menawarkan gerbang pembayaran bersama (MGX Payment Gateway) sebagai hab pembayaran agensi Kerajaan. myBayar adalah pusat sehenti yang menyediakan platform gabungan dan diperibadikan yang membolehkan orang ramai memeriksa dan membuat pelbagai pembayaran secara serentak. myForms memberi ruang penjelasan kepada masyarakat dan perniagaan untuk menyerahkan borang kepada pelbagai agensi dengan transaksi yang mudah.

2. Gerbang Pembayaran Melalui Peranti Mudah Alih (myPay)

myPay adalah salah satu perkhidmatan di bawah inisiatif myGov Mobile oleh Kerajaan Malaysia yang menawarkan perkhidmatan pembayaran elektronik pada aplikasi mudah alih. Inisiatif ini diperkenalkan untuk mendorong pembayaran dalam talian untuk perkhidmatan Kerajaan.

Inisiatif ini secara tidak langsung membuka saluran baru untuk perkhidmatan Kerajaan untuk kemudahan orang ramai dalam membuat pembayaran dalam talian tanpa pergi ke kaunter fizikal. Pembayaran boleh dibuat pada bila-bila masa melebihi had waktu operasi

agensi. Perkhidmatan ini membantu meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan untuk memenuhi keperluan pelanggan. Antara senarai agensi yang menawarkan aplikasi mudah alih myPay kepada orang ramai buat masa kini ialah:

a) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional - (PTPTN)

MyPay memberikan kemudahan memeriksa baki pinjaman. Pada masa yang sama, ia membolehkan pembayaran dan deposit pinjaman pelajar dengan cepat dan mudah ke akaun simpanan SSPN-i dan SSPN-i Plus. Muat turun MyPay di Google Play dan Apple Store, atau ia boleh dilawati di www.mypay.com.my.

b) Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)

MyPay memudahkan pembayaran zakat anda dibayar secara dalam talian. Muat turun MyPay di Google Play dan Apple Store, atau boleh lawati www.mypay.com.my untuk membayar zakat dengan cepat dan mudah.

c) Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Negara (NIOSH)

Peserta NIOSH boleh membayar kursus, peperiksaan dan pendaftaran latihan NIOSH dengan mudah melalui peranti pintar, dengan hanya melawati <https://mypay.com.my/web/niosh>.

3. Skim Pembayaran Bil Dalam Ekonomi (JomPAY)

Sistem Pembayaran JomPAY dilancarkan oleh Bank Pusat Malaysia pada bulan April 2015. Objektif utama pembangunan sistem pembayaran baru ini adalah untuk memastikan kecekapan proses pembayaran elektronik, dengan itu memberi orang ramai akses mudah untuk membayar bil mereka secara dalam talian. JomPAY menawarkan portal pembayaran dalam talian sehenti untuk pengguna membayar bil mereka secara elektronik pada bila-bila masa di mana sahaja, tanpa sebarang bayaran transaksi. Ia menangani semua pembayaran ke bank tersenarai dengan mewujudkan platform terbuka untuk membayar bil secara dalam talian. JomPAY ditetapkan sebagai kemudahan yang membolehkan individu dan organisasi menjalankan transaksi dalam talian dengan lebih yakin. Inisiatif ini memainkan peranan penting dalam usaha Kerajaan dalam

meningkatkan kemampuan perkhidmatan dalam taliannya dalam pengembangan inisiatif e-Government. JomPAY merupakan satu gerbang pembayaran elektronik yang amat meluas digunakan di hari ini. Antaranya:

- a) Perkhidmatan ini membolehkan urusan niaga kewangan dilakukan di lebih 40 bank Malaysia.
- b) Ia menyediakan pembayaran bil yang cekap dan mudah, tanpa beratur atau mengunjungi premis penerima pembayaran.
- c) Ia menjimatkan kos, cekap dan mudah dikendalikan oleh perniagaan yang mengambil bahagian.

Kelebihan JomPAY adalah kerana ia merupakan skim pembayaran bil nasional yang ditubuhkan dan diatur oleh MyClear di bawah bidang kuasa Bank Pusat dengan penyertaan bank dan penerima pembayaran utama. JomPAY membuat ekosistem pembayaran bil yang dapat diakses oleh pengguna, bank dan penerima pembayaran, di mana mana-mana pelanggan dari 42 bank yang mengambil bahagian dapat membayar bil mereka kapan saja dan di mana saja. Pada masa yang sama, perniagaan dan penerima dapat menggunakan JomPAY untuk mengumpulkan pembayaran dari pelanggan mereka, menjimatkan masa dan kos, meningkatkan aliran tunai dan mendamaikan pembayaran yang diterima dengan lebih berkesan.

B) JUSTIFIKASI KAJIAN

Kerajaan ingin terus menggalakkan penggunaan e-pembayaran melalui pelbagai promosi dan insentif memandangkan tahap penerimaan dan pelaksanaan inisiatif digital di kalangan pengguna masih kurang mendapat sambutan. Pada tahun 2020, pencapaian perkhidmatan servis e-pembayaran dalam perkhidmatan kerajaan menunjukkan pencapaian sebanyak 62.9%. Sementara itu, perbandingan di antara servis e-pembayaran dan mod pembayaran konvensional (tunai, cek, draf bank, pesanan pos) adalah sebanyak 57.5%. Justeru itu, bagi merapatkan jurang penggunaan e-pembayaran ini, pendekatan BI diperlukan untuk meningkatkan penggunaan Platform e-Pembayaran

sebagai pilihan utama perkhidmatan pembayaran sektor awam yang kondusif, selamat dan efisien.

Migrasi dari pembayaran berasaskan kertas (tunai dan cek) kepada pembayaran elektronik akan meningkatkan kecekapan keseluruhan sistem pembayaran, dan memberikan penjimatan kos dan kecekapan yang bermakna kepada seluruh ekonomi. Ini kerana sumber daya yang terlibat dalam pemprosesan manual dapat digunakan semula dan kos yang berkaitan dengan pengendalian wang tunai dan cek dapat dikurangkan dengan ketara. E-pembayaran merupakan cara pembayaran yang lebih pantas dan efisien, memberi peluang untuk meningkatkan tahap produktiviti dan menurunkan biaya menjalankan perniagaan.

Kajian menunjukkan bahawa peralihan dari kertas ke sistem pembayaran berasaskan elektronik dapat menghasilkan penjimatan tahunan hingga 1% daripada KDNK. Lebih-lebih lagi, pembayaran elektronik juga dapat meningkatkan kemasukan kewangan dengan memperluas perkhidmatan kewangan kepada masyarakat yang tidak mempunyai bank. Dengan berbuat demikian, masyarakat seperti itu akan dibawa ke dalam sistem kewangan formal dan ke arus perdana ekonomi. Ini akan membolehkan mereka menikmati kos perkhidmatan kewangan yang lebih rendah dan kaedah penjimatan yang lebih baik.

Peralihan kepada e-pembayaran adalah satu lonjakan yang sangat penting bagi usaha mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan meningkatkan daya saing ekonomi yang lebih mapan.

BNM berusaha untuk mempercepat migrasi ke pembayaran elektronik. melalui perbankan atas talian. Antara inisiatif yang dibuat oleh BNM ialah mengurangkan yuran transaksi RENTAS untuk pembayaran pihak ketiga yang dikenakan ke atas bank anggota telah dikurangkan dari RM2.50 kepada RM1.50 berkuatkuasa pada 15 Julai 2008. Berikutan itu, ada juga pengurangan caj bank sebanyak RM1.00 yang dikenakan oleh

bank anggota kepada pelanggan mereka untuk pembayaran RENTAS berkuat kuasa mulai tarikh yang sama.

Pada tahun 2020, pencapaian Perkhidmatan Servis e-Pembayaran dalam Perkhidmatan Kerajaan menunjukkan pencapaian sebanyak 62.9%. Sementara itu, perbandingan di antara servis e-Pembayaran dan mod pembayaran konvensional (tunai, cek, draf bank, pesanan pos) adalah sebanyak 57.5%. Justeru itu, bagi merapatkan jurang penggunaan e-Pembayaran ini, pendekatan BI diperlukan untuk meningkatkan penggunaan Platform e-Pembayaran sebagai pilihan utama perkhidmatan pembayaran Sektor Awam yang kondusif, selamat dan efisien.

C) OBJEKTIF KAJIAN

- O1** Mengenalpasti jurang, isu dan permasalahan utama kajian;
- O2** Mengenalpasti keadaan semasa dan menganalisa cabaran secara terperinci;
- O3** Membangunkan instrumen yang paling berkesan dalam pengumpulan data;
- O4** Mengesyorkan pelan tindakan dan cadangan penambahbaikan dalam meningkatkan penggunaan platform e-pembayaran bagi produk dan perkhidmatan kerajaan.

D) KERANGKA TEORI KAJIAN

Kajian wawasan tingkah laku atau *Behavioural Insights* (BI) ini akan menggunakan kerangka Teori Dorongan “Jentikan Hati” (*Nudge Theory*). Dari kerangka besar tersebut, kajian akan mempraktikkan dua teori serpihan iaitu: 1) Teori Penukaran (*Conversion Theory*) dan juga, 2) Prinsip Pengurangan (*Scarcity Principle*).

Nudge (dorongan “jentikan hati”) adalah konsep dalam ekonomi tingkah laku, teori politik, dan sains tingkah laku yang mengemukakan peneguhan positif dan cadangan tidak langsung sebagai cara untuk mempengaruhi tingkah laku dan membuat keputusan secara berkumpulan atau individu. Demi mencapai kepatuhan, dorongan secara “jentikan hati” adalah berbeza dengan cara dorongan pemujukan biasa samada melalui pendidikan, perundangan atau penguatkuasaan. Dorongan “jentikan hati” didasarkan dari aspek pilihan diri untuk mengubah tingkah laku orang dengan cara yang dapat

diramalkan tanpa meletakkan sebarang larangan atau mengubah insentif ekonomi mereka dengan ketara. Untuk dianggap sebagai dorongan semata-mata, campur tangan mestilah mudah dan murah. “Nudge” bukan mandat, tapi dorongan yang dipilih sendiri.

Kajian ini bertumpu pada pandangan tingkah laku awam (BI) mengenai tahap pengetahuan dan kesedaran mereka mengenai bahaya dan keselamatan elektrik. Hasilnya memberikan data empiris untuk memahami bagaimana masyarakat dapat "didorongkan" dengan fokus untuk mewujudkan budaya keselamatan dalam bahaya elektrik dan langkah-langkah untuk keselamatan nyawa dan keselamatan aset (termasuk lampu jalan yang ada).

Menurut Thaler dan Sunstein (2008), "nudge" adalah konsep yang merupakan cara yang agak halus bagi mendorong manusia untuk membuat keputusan yang sesuai dengan kepentingan diri mereka. Ringkasnya, ini adalah untuk memudahkan mereka membuat keputusan tertentu; dan tidak pernah menghukum mereka sekiranya mereka tidak bertindak dengan cara tertentu.

Projek ini bertumpu pada keperluan mendorong masyarakat untuk membuat pembayaran melalui sistem e-pembayaran dalam perkhidmatan kerajaan. Untuk menggunakan sebarang teori, sangat penting untuk mengetahui bagaimana orang berfikir. Dan bagaimana pemikiran orang hampir selalu berkaitan dengan peraturan norma sosial. Melalui teori *Nudge*, penyelidik dapat memudahkan masyarakat untuk membuat pilihan yang terbaik untuk mereka, keluarga dan masyarakat mereka.

Dari Teori *Nudge* ini, kajian mendapati keperluan kepada sesebuah teori yang lebih bersifat praktikal ke arah penukaran tingkahlaku akibat dari sesuatu tekanan yang mendorong untuk bertindak dengan segera. Dalam hal ini, kajian ingin mendapat hasil kajian yang menunjukkan kesungguhan yang lebih nyata terhadap penggunaan e-pembayaran seperti jomPAY, myBayar dan myPAY.

1) Teori Penukaran (Conversion Theory)

Ia merupakan satu teori sosio-psikologikal bagi mempengaruhi pemikiran manusia. Teori Penukaran (Conversion Theory) lebih bersifat “pengaruhi” dan bukan “pujukan”. Ia bertindak untuk menukar pemikiran seseorang kepada tingkahlaku yang diinginkan. Teori ini amat dekat dengan Teori *Nudge* kerana ia lebih memenuhi keperluan masyarakat dengan cara yang benar-benar berbicara kepada mereka. Ini dapat dipelajari dengan cara memahami mengapa seseorang meng“klik” atau meng-retweet sesuatu informasi.

Dalam kes ini, golongan minoriti yang telah melakukan e-pembayaran dalam kumpulan boleh mempengaruhi mereka golongan majoriti. Biasanya, mereka boleh dipengaruhi jika mereka melihat sendiri betapa mudahnya sistem perbankan e-pembayaran (yang telah diamalkan oleh golongan minoriti) atau bila mana mereka merasa tidak ada alternatif lain. Didapati suara minoriti yang konsisten dan yakin adalah paling berkesan untuk mempengaruhi majoriti.

2) Prinsip Pengurangan (Scarcity Principle).

Teori ini menekankan realiti kehidupan di mana jika terdapat pengurangan atau diletakkan sebarang had ke atas sesuatu, keinginan manusia akan meningkat di mana dalam masa yang sama mereka menjangkakan penyesalan dan ketinggalan jika mereka tidak bertindak pantas. Contoh Prinsip Pengurangan (Scarcity Principle) boleh dilihat dengan promosi iklan istimewa yang digunakan oleh syarikat pengiklanan bagi memasarkan barangan mereka. Menghadkan jangka masa tertentu menyebabkan manusia lebih handal bertindak dalam membuat keputusan.



Pembudayaan platform e-pembayaran dalam perkhidmatan kerajaan terutama jomPAY, myBayar dan myPAY boleh dipertingkatkan melalui tahap kesedaran sivik yang tinggi di kalangan masyarakat.

E) KAEDAH DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan akan menggunakan metodologi seperti berikut:

1. Kajian meja (*desk research*) dan sorotan rujukan (*literature review*) untuk mendapatkan gambaran awal mengenai isu dan permasalahan utama;
2. Sesi libat urus bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan;
3. Pengumpulan data secara kuantitatif atau kualitatif; dan
4. Membuat analisa kajian dalam bentuk grafik dan bertulis bagi memudahkan penyampaian hasil penemuan kajian.

Bagi mendapatkan pencapaian kajian yang positif lagi memberangsangkan, kajian ini akan bekerjasama dengan dua agensi kerajaan persekutuan iaitu Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (atau Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit - MAMPU) dan Kementerian Kewangan (atau Ministry of Finance - MOF).

Data akan diambil dengan kaedah primer dan sekunder bagi kedua-dua teknik kuantitatif dan kualitatif.

Kaedah primer melibatkan:

- 1) Perbincangan Fokus Berkumpulan (*Focus Group Discussions* - FGD); dan
- 2) Kertas kajian survey (*Survey*)


Manakala, kaedah sekunder melibatkan:

- 1) Kajian meja (*desk research*) dan sorotan rujukan (*literature review*);
- 2) laporan;

- 3) buku dan jurnal; dan
- 4) kertas prosiding konference, bengkel dan seminar.

Ringkasan kaedah dan metodologi kajian boleh dilihat di Carta 1.

Carta 1: Kaedah dan Metodologi Kajian Bi Meningkatkan Kadar Penerimaan Pengguna Platform E-Pembayaran Dalam Perkhidmatan Kerajaan



Dengan penggunaan pelbagai teknik dan kaedah pengumpulan data, memungkinkan kajian ini memperolehi elemen penting bagi tujuan kajian garis dasar (*baseline study*), sepertimana yang diharapkan.

Bagi data kaedah sekunder, kajian menjangkakan bahawa teknik kualitatif akan lebih meluas digunakan. Ini kerana kajian analisis tema (*thematic analysis*) mudah dibuat dari kajian meja (*desk research*), sorotan rujukan (*literature review*), laporan, buku, jurnal serta kertas prosiding konference, bengkel dan seminar. Bilamana perlu, teknik kuantitatif akan digunakan.

- **Skop Kajian**

Bagi kaedah primer yang melibatkan dapatan empirikal, kajian akan memastikan penggunaan prosedur pengkajian secara saintifik. Walaupun Perbincangan Fokus Berkumpulan (*Focus Group Discussions* - FGD) adalah bersifat kualitatif manakala Kertas Kajian Survei adalah bersifat kuantitatif, kedua-dua teknik memerlukan asas yang sama, iaitu:

a) Isu Permasalahan / Objektif:

- i. Mengenalpasti keadaan semasa termasuk populasi pengguna dan bukan pengguna e-Pembayaran Perkhidmatan Kerajaan di kementerian/agensi kerajaan yg dipilih oleh MPC.
- ii. Mengenalpasti dan menganalisa faktor keengganan pengguna menggunakan e-Pembayaran Perkhidmatan Kerajaan.
- iii. Membangunkan instrumen *Behavioural Insights (BI)* yang berkesan bagi meningkatkan kadar penerimaan pengguna platform e-Pembayaran Perkhidmatan Kerajaan.
- iv. Mengesyorkan pelan tindakan dan cadangan penambahbaikan dalam meningkatkan penggunaan e-Pembayaran Perkhidmatan Kerajaan.

b) Teknik penyampelan dan Saiz sampel (Sampel akan diambil dari kalangan pengguna di kementerian/agensi kerajaan yg dipilih oleh MPC. Antara teknik yang mungkin digunapakai:

- i. Persampelan Rawak Ringkas (atau *Simple Random Sampling* - SRS) bagi Kertas Kajian Survei (*Survey*) – Saiz sampel bergantung kepada populasi di kementerian/agensi kerajaan yg dipilih oleh MPC.
- ii. Persampelan Bola Salji (atau *Snowballing*) bagi Perbincangan Fokus Berkumpulan (*Focus Group Discussions* - FGD) – 10% saiz sampel akan diambil dari teknik awal.

- c) Kriteria sampel merupakan semua Kakitangan kerajaan yang bekerja di kementerian/agensi kerajaan yg dipilih oleh MPC.
- d) Tapak kajian (kajian kes) adalah bergantung kementerian/agensi kerajaan yg dipilih oleh MPC.
- e) Tempoh masa (15/4/2021 – 15/5/2021)

F) JANGKAAN DAPATAN KAJIAN

Hasil penemuan kajian akan digunakan sebagai input kepada pemegang taruh (*stakeholders*) dalam usaha untuk menambahbaik peraturan atau polisi sedia ada agar ianya selari dengan aspirasi dan keperluan negara. Jangkaan dapatan dari kajian ini adalah:

1. Laporan kajian kes.
2. Cadangan penambahbaikan.
3. Cadangan intervensi kajian.

G) PASUKAN PERUNDING

No.	Nama	Bidang Kepakaran
1	Prof. Madya Dr. Rohaiza Rokis	Ketua Penyelidik Kajian
2	Muhammad Nur Azraei Shahbudin	Pengurus Kajian-1
3	Dr. Norasikin Basir	Pengurus Kajian-2
4	Muhammad Harriz Azham	Penolong Penyelidik Kajian

H) KOS

Bil.	Nama	Status Kakitangan (Tetap/ Sementara)	Gaji Pokok	# of Manmonth	Faktor Pengganda	Jumlah Yuran (RM)
------	------	--------------------------------------	------------	---------------	------------------	-------------------

A. YURAN PERUNDING BAGI KAKITANGAN IKHTISAS						
1	AP. Dr. Rohaiza Rokis	Tetap	12,900.00	1	2.0	25,800.00
2	Muhammad Nur Azraei Shahbudin (IEC)	Tetap	6,100.00	1	0.5	3,050.00
3	Dr. Norasikin Basir (KIRKHS)	Tetap	6,100.00	1	0.5	3,050.00
JUMLAH KECIL (A)						31,900.00
B. YURAN PERUNDING BAGI KAKITANGAN SEPARA IKHTISAS						
1	Pembantu Penyelidik	Tetap	2,652.66	2	1.1	5,835.85
JUMLAH KECIL (B)						5,835.85
JUMLAH BESAR YURAN PERUNDING: (A) + (B)						37,735.85
SST (6%)						2,264.15
JUMLAH KESELURUHAN						40,000.00

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
(1) Yuran Perunding		
	Kakitangan Ikhtisas Tempatan	31,900.00
	Kakitangan Separa Ikhtisas Tempatan	5,835.85
JUMLAH (1)		37,735.85
(2) Kos Imbuhan Balik		
	Tiket Penerbangan Tempatan/Antarabangsa	-
	Lain-lain Perbelanjaan Berkaitan Dengan Perjalanan termasuk Teksi	-
	Tuntutan Perjalanan Kenderaan (Mileage Claims)	-
	Elaun Penginapan dan Sara Hidup	-
	Kos Perhubungan	-
	Kos Dokumentasi Dan Laporan	-
	Kos Bagi Menjalankan Kajian Selidik	-
JUMLAH (2)		0
KOS PERUNDING (1)+(2)		37,735.85
SST 6%		2,264.15
JUMLAH KESELURUHAN KOS PERUNDING		40,000.00

I) JADUAL KERJA

Jangkamasa Kajian yang dicadangkan adalah 3-bulan, bermula dari 1 April 2021 sehingga 31 Jun 2021.

Aktiviti Kajian	Bulan		
	APRIL	MEI	JUN
Proses pelantikan perunding kajian	1/4/2021		

Persiapan awal, ulasan literatur dan maklumat asas kajian	1/4/2021		
Pelaksanaan kajian rintis	15/4/2021		
Penyerahan Laporan Insepsi	28/4/2021		
Pelaksanaan kajian lapangan	30/4/2021	15/5/2021	
Proses kemasukan data		25/5/2021	
Penganalisaan data		30/5/2021	5/6/2021
Penyerahan Laporan Interim			15/5/2021
Penyediaan dan Penyerahan Draf Laporan Akhir			28/6/2021
Penambahbaikan dan Penyerahan Laporan Akhir			31/6/2021

J) RUJUKAN

Thaler, R.H. and Sunstein, C. (2008). *NUDGE: Improving Decisions About Health, Wealth, and Happiness*. Chicago: Penguin